

TEKS UCAPAN

**YAB Dato' Seri Haji Fadillah bin Haji Yusof
Timbalan Perdana Menteri merangkap
Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)**

Perhimpunan Bulanan PETRA Bil.3 Tahun 2025

**9 Mei 2025 (Jumaat)
Dewan Baiduri, Aras G, Menara PETRA**

Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir
Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli
Ketua Setiausaha Kementerian PETRA

YBhg. Dato' Mohammad Rodzwan bin Mohd Baba Sakri
Timbalan Ketua Setiausaha (Air) PETRA

YBrs. Puan Mareena binti Mahpudz
Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga) PETRA

YBhg. Dato' Mohd Norhisham bin Musa
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), PETRA

Ketua-ketua Jabatan, Ketua Pegawai Eksekutif, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI.

1. Pertama sekali, marilah sama-sama kita menzahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana atas rahmatNya, kita masih diberikan umur bekerja dan berkumpul pada hari ini dalam Perhimpunan Bulanan Kementerian PETRA Bil.3 Tahun 2025. Dengan maksud yang lain, sehingga detik ini kita masih diberi peluang oleh Allah SWT untuk bekerja dan menambah jariah kehidupan sebelum kita pergi selamanya meninggalkan dunia ini.

I. HARI PEKERJA 2025

Saudara saudari yang saya hormati,

2. Alhamdulillah pada 1 Mei yang lalu, kita telah menyambut Hari Pekerja 2025 dengan tema “Pekerja Kesuma Bangsa”. Sambutan tersebut tersebut merupakan sebuah manifestasi penghargaan kerajaan terhadap para pekerja sama ada sektor awam mahupun swasta yang menjadi tonggak dan tulang belakang dalam membangun rakyat dan negara di bawah acuan gagasan Malaysia MADANI.

3. Tuan-tuan, puan-puan dan saya adalah sama. Kita di sini adalah sebagai pekerja. Pekerja yang masing-masing mempunyai skop kerja, amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan penuh integriti kepada rakyat dan negara. Sebagai timbal balas kita semua dibayar gaji atas kerja yang dilaksanakan.

4. Semua kita bekerja. Namun dalam bekerja, kita perlu ada minda yang sentiasa berfikir kehadapan, minda dahagakan perubahan, minda yang

sentiasa berfikir untuk tingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Tambahan pula, dalam cabaran Malaysia melalui liku-liku tajam seperti tekanan tarif dari Amerika Syarikat, ketidakstabilan geopolitik dunia, ketegangan antara negara kuasa-kuasa besar yang memungkinkan berlakunya perang, maka kita perlukan pekerja minda kelas pertama yang bijak berfikir dan bijak merancang masa depan negara. Bersungguh-sungguhlah bekerja, pasti hasilnya akan luar biasa. Bak kata pepatah “**Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya**”.

5. Bekerjalah dengan sepenuh hati, tingkatkan kompetensi diri, amalkan budaya kerja cemerlang serta berikanlah sumbangan idea dan tenaga yang terbaik demi agama, rakyat dan negara. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 105:

وَقُلْ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ...

“Dan katakanlah (wahai Muhammad): Bekerjalah/beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan...”

II. PEMERGIAN MANTAN PM – ALLAHYARHAM TUN ABDULLAH

Saudara saudari yang saya hormati,

6. Tiga (3) minggu yang lalu negara telah kehilangan seorang tokoh yang hebat iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang Ke-5, Bapa Pembangunan Modal Insan. Banyak hikmah yang kita perlu ambil dan pelajari dari insan hebat ini dalam bekerja. Gagasan besarnya “Islam Hadhari” buat negara dan pendekatan kepimpinannya yang bersederhana

(wasatiyyah) banyak meninggalkan impak yang baik buat rakyat dan negara. Moralnya, dalam bekerja kita perlu ada matlamat yang jelas dan laksanakan sebaiknya serta jangan melampaui batas.

7. Terlalu banyak sumbangan Allahyarham Tun Abdullah jika ingin kita ditulis. Selain membangunkan modal insan rakyat, beliau juga arkitek pembangunan ekonomi negara. Bermula dengan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Wilayah Ekonomi Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE), adalah merupakan sumbangan besar beliau buat rakyat dan negara. Kini, satu persatu kebaikan beliau disebut dan semua hasil usahanya dinikmati oleh rakyat. Kita doakan semoga semua khidmat bakti Tun buat negara menjadi jariah yang berkekalan serta allahyarham Tun ditempatkan di syurga Firdaus. Mari sama-sama kita sedekahkan al-Fatihah buat Allahyarham Tun Abdullah. **AL-FATIHAH.**

III. SAMBUTAN AIDILFITRI PETRA, AIDILFITRI MADANI DI SARAWAK, INSIDEN PUTRA HEIGHTS & KEDATANGAN MUSIM HAJI

Hadirin yang saya hormati sekali,

8. Begitu cepat masa berjalan, tanpa disedari bukan sekadar Ramadan, Syawal juga telah berlalu meninggalkan kita. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih buat semua warga PETRA dan agensi yang berkerjasama bersatu hati dalam menjayakan sambutan Aidilfitri di PETRA dan Aidilfitri MADANI di Sarawak. Saya dapati di PETRA, kita dan agensi mempunyai ikatan kerjasama dan semangat berpasukan yang sangat tinggi. Syabas dan tahniah saya ucapkan. Insyaallah tahun depan kita buat yang lebih meriah dan hebat.

9. Namun dalam kemeriahannya kita menyambut Aidilfitri yang lalu, ada sahabat-sahabat kita yang tidak berasib baik, diuji dengan kesusahan khususnya mereka yang terlibat dengan insiden kebakaran gas di Putra Height. Walaupun insiden kebakaran berlaku dalam skala yang besar, namun kita berjaya memastikan urusan berkaitan bekalan elektrik khususnya dan air kepada penduduk sekitar tidak terjejas. Syabas buat Dato' KSU dan pasukan.

10. Kini kita memasuki musim haji. Saya difahamkan tahun ini sorang warga PETRA telah terpilih menunaikan haji, alhamdulillah. Sama-sama kita doakan sahabat kita Encik Zabir bin Sarip@Shariff dari Bahagian Kewangan dan Perolehan serta seluruh jemaah haji Malaysia tahun ini dipermudahkan perjalanan ibadah serta beroleh haji yang mabrur.

IV. SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA

Warga PETRA yang saya hormati,

11. Sebagai sebuah Kementerian yang secara langsung terlibat dan menguruskan dasar dan hal ehwal air negara, selain kita menyambut hari raya, kita juga perlu menyambut Hari Air Sedunia. Bagi yang mungkin belum tahu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menetapkan tarikh sambutan Hari Air Sedunia adalah pada 22 Mac setiap tahun. Ia bermatlamatkan untuk menumpukan kesedaran akan kepentingan air tawar di dunia, dan meningkatkan kesedaran untuk menangani isu air dan sanitasi.

12. Bagi tahun 2025, ia bertemakan "*Glacier Preservation*" atau "Pemuliharaan Glasier". Iaitu dunia disarankan untuk memberi tumpuan kepada kepentingan mengurus kecairan glasier secara mampan dan

mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida (CO₂) secara tidak terkawal dan melakukan penyelesaian berdasarkan alam semula jadi.

13. Melalui sambutan Hari Air Sedunia ini, kita seharusnya menzahirkan tanda kesyukuran melalui pengurusan dan penggunaan air yang berhemah dan mampan. Kita perlu sentiasa, tanpa jemu menyampaikan peringatan untuk berjimat cermat dan berhati-hatilah dalam menguruskan sumber alam kurniaan tuhan, sesungguhnya banyak kerosakan bumi ini berpunca daripada tangan manusia itu sendiri. Firman Allah SWT dalam Surah al-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ...

“Telah timbul/zahir pelbagai kerosakan/bala bencana di daratan dan di lautan dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia...”

V. MESUARAT NUCLEAR ENERGY COOPERATION SUB-SECTOR NETWORK (NEC-SSN): PLATFORM STRATEGIK NEGARA-NEGARA ASEAN TELITI POTENSI TENAGA NUKLEAR

Saudara saudari yang saya hormati,

14. Dalam menguruskan sumber alam ke arah yang mampan, kita juga perlu bekerjasama dengan negara lain, khususnya negara ASEAN. Antaranya Mesuarat Mesuarat *Nuclear Energy Cooperation Sub-Sector Network (NEC-SSN)* ke-15. Ia telah menjadi platform strategik bagi negara-negara ASEAN untuk meneliti prospek tenaga nuklear sebagai sumber bekalan elektrik yang bersih dan stabil yang berpotensi menggantikan sumber penjanaan daripada bahan api fosil bagi menyokong agenda peralihan tenaga serantau.

15. Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 28 sehingga 30 April 2025, di mana PETRA menjadi penganjur bersama dengan pihak *ASEAN Centre for Energy* (ACE) dan dipengerusikan oleh Filipina. Antara perkara dibincangkan adalah cadangan bidang tumpuan (*focus area*) bagi penggubalan strategi dan pelan tindakan yang akan dilaksanakan melalui sektor *Civilian Nuclear Energy* (CNE) di bawah *ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation* (APAEC) 2026-2030 dan ianya akan dibentang serta dipertimbangkan semasa *ASEAN Senior Officials' Meeting on Energy* (SOME) pada Jun 2025 di Kuching, Sarawak.

16. Mesyuarat juga turut memperhalusi senarai potensi aktiviti yang boleh dilaksanakan di bawah sektor CNE. Selain itu, aktiviti-aktiviti sektor CNE telah dibincang dan dipersetujui dalam mesyuarat ini untuk dijadikan sasaran di bawah APAEC 2026-2030. Dalam mesyuarat ini, perbincangan telah diadakan bersama Rakan Dialog (*Dialogue Partners* - DP) dan Organisasi Antarabangsa (*International Organisation* - IO) seperti *Korea Nuclear Association* (KNA), *ASEAN Business Council* (CABC), *Integrated Support Center for Nuclear Nonproliferation and Nuclear Security* (ISCN), *Japan Atomic Energy Agency* (JAEA) dan *Global Centre for Nuclear Energy Partnership* (GCNEP) yang akan bekerjasama bagi membantu ASEAN dalam membangunkan landskap tenaga nuklear di rantau ini. DP dan IO tersebut juga telah berkongsi pengalaman mereka dalam program pembangunan tenaga nuklear yang melibatkan penggubalan dasar, keselamatan, perundangan, program literasi tenaga nuklear, dan pembangunan sumber manusia yang diperlukan sebagai persediaan untuk ASEAN mengadaptasi tenaga nuklear.

17. Melalui kerjasama serantau ini, Malaysia dan negara-negara ASEAN menunjukkan komitmen untuk mencari penyelesaian jangka panjang terhadap cabaran tenaga, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam membina masa depan yang lebih mampan dan selamat untuk generasi akan datang.

VI. PROGRAM PENGURANGAN AIR TIDAK TERHASIL (NRW)

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

18. Kerajaan Persekutuan melalui PETRA ini telah melaksanakan Program Pengurangan Air Tidak Terhasil (NRW) Kebangsaan bermula tahun 2018. Melalui program ini, antaranya adalah Kerajaan akan membayar balik 50% daripada perbelanjaan tahunan NRW yang dibelanjakan oleh operator air yang mencapai sasaran NRW yang ditetapkan dan 75% perbelanjaan tahunan NRW yang dibelanjakan oleh operator air sekiranya pencapaian NRW tersebut digandakan. Syabas saya ucapan kepada tiga (3) operator air yang telah berjaya mencapai sasaran tersebut iaitu:

- i) Air Selangor (AiS);
- ii) Ranhill SAJ (RSAJ); dan
- iii) Syarikat Air Terengganu (SATU).

VII. KUNJUNGAN HORMAT PETRA DAN LAWATAN KERJA

19. Sebagai makluman bersama, kita telah menerima sebanyak 11 kunjungan hormat delegasi dari pelbagai negara meliputi Amerika Syarikat,

New Zealand, Palestin, United Kingdom, Jepun, Itali, Korea, Rusia. Sabahagian kunjungan hormat tersebut diterima oleh saya, manakala sebahagian yang lain oleh YBTM atau Dato' KSU. Disamping itu, PETRA juga telah melakukan lawatan kerja ke Turkiye dan London. Perbincangan kita berkisar tentang cabaran, perancangan, kolaborasi dan ruang-ruang yang berpotensi untuk kita menjalinkan kerjasama antara Malaysia dengan negara mereka.

20. Kita sebuah negara yang berdaulat, kita mengamalkan dasar terbuka dan sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak yang dapat membawa manfaat buat rakyat dan negara.

VIII. PELANTIKAN KP JPS & WATIKAH ANGKATAN PERTAHANAN APMM

Hadirin yang saya hormati,

21. Syabas dan tahniah kita ucapan kepada YBrs. Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib yang baru dilantik sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang baharu. Saya berharap beliau dapat memandu dan memimpin JPS ke arah yang lebih cemerlang.

22. Seterusnya ucapan tahniah dan selamat berkhidmat juga buat Dato' KSU bersama 17 pegawai PETRA yang telah menerima Watikah Pegawai Kehormat dan Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APMM). Semoga dengan pelantikan tersebut kita dapat membantu APMM dalam menyumbangkan idea, khidmat nasihat, bantuan operasi atau bencana serta sumbangan-sumbangan lain dalam pelbagai bentuk mengikut kepakaran masing-masing. Selain itu, penglibatan sumbangan dalam fasa

kesiapsiagaan, mitigasi dan pencegahan tindak balas serta pemulihan dan pembangunan semula disamping menyokong aktiviti program APMM.

IX. PROGRAM MADANI RAKYAT - TAWAU

Saudara-saudari,

23. Ketika ini sedang berlangsung Program MADANI Rakyat (PMR) di Tawau, Sabah. Bermula dari 9 hingga 11 Mei 2025. PMR merupakan inisiatif Kerajaan yang perlu didukung oleh semua pihak. Pengajurannya melibatkan penglibatan kerjasama dari pelbagai Kementerian dan Jabatan. Oleh yang demikian saya berharap pasukan PETRA dan agensi yang berkaitan dapat akan memberi komitmen yang tinggi dalam penyertaan PMR ini. Selain itu, saya juga mengharapkan agar warga PETRA memainkan peranan sebaiknya sebagai duta kecil untuk mempromosi dan mewar-warkan PMR dan semua program yang dianjurkan oleh Kerajaan.

X. KELAB PETRA - SUKAN PETRA

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

24. Saya perhatikan ramai warga PETRA mula mengambil bahagian secara aktif meliputi aktiviti kesukanan, dan kebajikan. Saya difahamkan pertarungan semakin sengit antara rumah-rumah sukan Kelab PETRA. Teruskan bersemangat dan berjuang. Bila waktu kerja, kita kerja betul-betul, bila waktu main kita main betul-betul.

25. Sebagai Penaung Kelab PETRA, ingin saya ingatkan kembali kepada seluruh warga PETRA bahawa Kelab PETRA bukan sekadar platform untuk

sukan dan kebajikan, tetapi juga wadah untuk kita membina hubungan erat, menjaga kesihatan fizikal dan mental, serta menanam nilai-nilai murni. Marilah sama-sama kita jadikan kelab ini sebagai platform yang menyeronokkan dan bermakna dalam kehidupan kita.

26. Selain itu, marilah sama-sama kita turun mengimarahkannya surau An-Nur PETRA dengan solat fardu dan sunat serta jika berkelapangan hadiri sesi-sesi kuliah agama yang telah disusun. Insyaallah, ini juga merupakan platform untuk merapatkan ukhuwah sesama kita.

XI. PENUTUP

27. Akhir kalam, Semoga Allah SWT memberkati setiap usaha dan tenaga yang kita curahkan. Sama-sama kita buktikan MADANI itu bekerja.

28. Sekian, wabillahi taufiq walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

9 Mei 2025 (Jumaat)
11 Zulkaedah 1446H